

01/03/2002

Siasatan ke atas MAS bukan penganiayaan: PM

SEPANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan membuat laporan polis oleh pengurusan baru Penerbangan Malaysia (MAS) bukan bertujuan memburu sesiapa atau kumpulan tertentu.

Sebaliknya Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat sendiri oleh MAS dan kerajaan kini menunggu hasil siasatan berkenaan.

"Saya tidak menyalahkan mana-mana pihak melainkan kalau ada didapati perkara-perkara tertentu yang perlu diselidik dan tindakan diambil, kalau didapati cukup bukti ada penyelewengan dalam kes MAS.

"Jadi saya harap tidak ada pendapat bahawa kita dalam proses memburu orang tertentu, kononnya mereka ini masuk dalam kumpulan tertentu. Kalau ada sesiapa yang buat salah itu adalah urusan pihak penguat kuasa undang-undang," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media setibanya dari London di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), lewat petang ini.

Beliau mengulas tindakan pengurusan baru MAS baru-baru ini yang membuat laporan polis tentang kemungkinan berlaku penyelewengan dalam transaksi tertentu yang membabitkan MAS ketika ia diterajui oleh Tan Sri Tajudin Ramli.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, apa yang dilakukan kerajaan ialah memperbetulkan keadaan dalam beberapa syarikat besar yang bermasalah termasuk MAS, yang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi.

Katanya, kegawatan ekonomi menyebabkan semua syarikat menghadapi masalah, termasuk syarikat di negara maju.

"Kalau nilai saham mula jatuh, maka mereka (syarikat) akan menghadapi masalah, terutama menyelesaikan hutang.

"Sebab itu kerajaan terpaksa ambil bahagian dalam penyelesaian perkara ini. Tujuan kita ialah mengambil alih syarikat-syarikat ini supaya masalah hutang dapat diatasi," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil alih beberapa syarikat terbabit supaya hutang mereka dapat diselesaikan.

Langkah itu, kata Dr Mahathir berikutan kerajaan berpendapat syarikat berkenaan mempunyai aset mencukupi tetapi kerajaan tidak boleh menjualnya pada waktu ini untuk membayar hutang.

"Kita yakin dalam jangka waktu yang sederhana, kita akan dapat memanfaatkan nilai aset, sama ada melalui penjualan anak-anak syarikat atau melalui kenaikan nilai saham.

"Ini semua adalah dalam perkiraan pihak kerajaan, sebab itu kita mengambil alih beberapa syarikat ini, bukan dengan niat untuk menyelamatkan sesiapa dan bukan kerana kita berpendapat terdapat penyelewengan dalam pengurusan syarikat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak menyalahkan mana-mana pihak kecuali terdapat cukup bukti ada penyelewengan.

"Bagi kerajaan, tujuan kita ialah untuk menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai peranan besar dalam bidang ekonomi termasuk memberi peluang pekerjaan kepada sebegitu ramai rakyat.

"Kita perlu menjelaskan perkara ini kerana ada kecenderungan pihak media yang suka mensensasikan perkara ini dan meletakkan telunjuk kepada orang tertentu.

"Ini tidak adil kerana kerajaan perlu melakukan sesuatu demi kepentingan awam dan syarikat itu sendiri. Langsung tidak ada niat untuk memburu sesiapa," katanya.

(END)